



i-WIN LIBRARY

INTERNATIONAL
WAQAF ILMU NUSANTARA
LIBRARY

waqafilmunusantara.com
admin@waqafilmunusantara.com

i-WIN Library

Perpustakaan Internasional Waqaf Ilmu Nusantara

Office: Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS)

Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia 11800

E-mail: secretariat.alamnusantara@gmail.com

admin@waqafilmunusantara.com

Visit us at: <https://www.waqafilmunusantara.com>

Title : Perbandingan Dasar Luar Malaysia dan Indonesia Era Perang

Dingin

Author(s) : Christian Chau Lasa

Institution : Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Category : Article, Competition

Topics : Politics, government

PERBANDINGAN DASAR LUAR MALAYSIA DAN INDONESIA ERA PERANG DINGIN

Christian Chau Lasa

Jabatan Pengajian Hubungan Antarabangsa, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman

ABSTRAK

Malaysia dan Indonesia merupakan dua buah negara yang terletak di benua Asia Tenggara yang semakin pesat membangun dan kedua-dua negara ini telahpun menjalin hubungan diplomatik sejak kedua-dua negara baru sahaja mencapai kemerdekaan dari penjajah negara masing-masing iaitu United Kingdom dan Belanda. Hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia dilihat amat penting dalam arena politik Asia Tenggara kerana kedua-dua negara ini berkongsi sejarah, kebudayaan bahkan bahasa yang sama menyebabkan kedua-dua negara tersebut dilihat sebagai ‘adik-beradik’. Pun begitu, hubungan ini adakalanya mengalami pasang surut yang membawa kepada kewujudan konflik terutamanya ketika di awal kemerdekaan yang mana pada ketika itu kedua-duanya di bawah pemerintahan Sukarno dan Tunku Abdul Rahman. Konflik terbesar yang pernah terjadi melibatkan kedua-dua negara ini ialah Konfrontasi Malaysia-Indonesia 1963 di mana konflik ini berlaku ketika persaingan pengaruh antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet yang dikenali sebagai Perang Dingin. Melihat kepada konflik ini, tidak dinafikan bahawa Perang Dingin telah memberikan impak yang cukup signifikan kepada Malaysia dan Indonesia apabila Amerika Syarikat dan Soviet memberikan sokongan kepada salah satu negara yang terlibat dalam konfrontasi. Jurnal ini akan merungkai sejauh manakah Perang Dingin mempengaruhi pembentukan dasar luar Malaysia dan Indonesia, dasar yang diwujudkan oleh kedua-dua negara, bagaimana Perang Dingin membawa kepada tercetusnya Konfrontasi Malaysia-Indonesia dan persamaan dan perbezaan dasar luar kedua-dua negara. Tempoh kajian yang dilakukan ialah ketika era pemerintahan Tunku Abdul Rahman dan Sukarno.

Kata kunci: Dasar luar negara, Perang Dingin, Sukarno, Tunku Abdul Rahman, Hubungan Malaysia-Indonesia

1.0 PENGENALAN

Perang Dingin merupakan suatu konflik ideologi dan geopolitik antara negara-negara demokrasi diketuai Amerika Syarikat dan negara-negara komunis yang dianggotai oleh Kesatuan Soviet. Istilah ‘Perang Dingin’ digunakan untuk konflik ini kerana tiada perperangan bersenjata secara langsung antara kedua-dua negara ini dan hanya sekadar menyokong mana-mana pihak yang sealiran dengan salah satu daripadanya dalam konflik bersenjata di negara lain yang membawa kepada perang proksi. Sejarawan berselisih pendapat bilakah Perang Dingin bermula dan berakhir namun sejarawan secara umumnya bersetuju bahawa konflik ini bermula dari pengumuman Doktrin Truman 1947 hingga pembubaran Kesatuan Soviet pada 1991. Perang Dingin memperlihatkan Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet masing-masing ingin menunjukkan kekuatan dan pengaruh dengan memberikan bantuan ekonomi kepada negara-negara kecil dan mewujudkan pakatan ketenteraan dengan negara sekutu. Malaysia dan Indonesia juga tidak terlepas dari konflik ini apabila kedua-dua negara di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman dan Sukarno mula membentuk dasar luar yang condong kepada salah satu kuasa besar tersebut sehingga Malaysia dan Indonesia dijadikan medan pertembungan ideologi antara demokrasi dan komunis di Asia Tenggara yang membawa kepada perperangan terbesar yang pernah dialami oleh kedua-dua negara iaitu Konfrontasi Malaysia-Indonesia.

2.0 FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMBENTUKAN DASAR LUAR MALAYSIA DAN INDONESIA

2.1 Keadaan politik dalaman Malaysia dan Indonesia

Malaysia yang baru sahaja terbentuk pada 1963 masih lagi berhadapan dengan ancaman komunis dengan kebangkitan semula Parti Komunis Malaya (PKM) di Semenanjung dan

serangan Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) di Sarawak. Pada pandangan Tunku, komunis merupakan ancaman luar kepada Malaysia di bawah pimpinan beliau yang pro-British (Mat Enh et al., 2010). Peristiwa-peristiwa yang berlaku di Cuba, Vietnam, Tibet dan konflik India-China menjadi pemangkin kepada pendirian Tunku dalam menyatakan pendirian Malaysia untuk tidak menjalin sebarang hubungan diplomatik dengan negara komunis (Idris, 1990). Ini terbukti melalui keengganan Tanah Melayu memberi sokongan kepada China untuk menghalang Taiwan daripada menyertai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (Mat Enh et al., 2010). Memandangkan negara pada ketika itu tidak mempunyai pasukan tentera yang cukup untuk mempertahankan negara dari ancaman komunis, Malaysia terpaksa mendapatkan sokongan dari United Kingdom dan negara anggota Komanwel bersama negara anti-komunis yang lain seperti Amerika Syarikat dari segi kententeraan. Sokongan Tunku terhadap pembentukan Malaysia yang terdiri dari Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak mengukuhkan lagi cerminan diri Tunku sebagai seorang yang amat membenci komunis.

Berbeza pula dengan Indonesia, Sukarno mengisyiharkan bahawa Indonesia adalah negara yang berkecuali ketika baru sahaja merdeka dari Belanda pada 17 Ogos 1945. Beliau juga merupakan seorang bersikap anti-imperialis dan menentang sebarang bentuk penjajahan. Bagi memastikan tiada negara-negara yang baru merdeka di Asia dan Afrika dijadikan mangsa dalam Perang Dingin, Sukarno telah mewujudkan Persidangan Asia-Afrika di Bandung pada 1955 (Pangeran, n.d.). Daripada persidangan tersebut, negara-negara yang hadir menyatakan pendirian berkecuali dari menyokong sama ada Amerika Syarikat mahupun Kesatuan Soviet. Akan tetapi, Sukarno telah mewujudkan satu sistem politik dikenali sebagai NASAKOM yang merupakan singkatan kepada ‘Nasionalis, Agama dan Komunis’ sebagai sebahagian dari dasar pentadbiran beliau di bawah gagasan ‘Demokrasi Terpimpin’ yang diasaskan olehnya bagi menyeimbangkan pengaruh golongan nasionalis, komunis dan agamawan dalam pentadbiran. Pun begitu, Parti Komunis Indonesia (PKI) dilihat mempunyai pengaruh yang cukup besar dalam pentadbiran Indonesia sehingga Sukarno dikritik oleh sebahagian besar pihak terutamanya Parti Masyumi kerana Sukarno dilihat terlalu berlembut dengan PKI dan berpihak kepada blok

komunis di peringkat antarabangsa dan keadaan politik Indonesia menjadi semakin tegang apabila Naib Presiden Indonesia, Mohammad Hatta meletakkan jawatan kerana perbezaan fahaman dengan Sukarno yang membawa kepada ketidakseimbangan dalam dasar luar Indonesia kerana Hatta merupakan seorang yang pro-Barat (Mat Yazid, 2013). Pengaruh PKI yang semakin berkembang ini menjadikan Sukarno semakin kuat dan akhirnya Indonesia menjadi negara pro-komunis. Kedudukan PKI yang semakin kukuh menyebabkan PKI menuntut pembentukan ‘angkatan kelima’ dalam ABRI (Angkatan Bersenjata Republik Indonesia) yang terdiri dari buruh dan petani yang bersenjata sebagai tambahan kepada cabang lain iaitu Tentera Darat, Tentera Laut, Tentera Udara dan Polis yang membawa kepada ketegangan antara PKI dan tentera (Maksum & Bustami, 2014). Pihak tentera merasakan bahawa dengan wujudnya ‘angkatan kelima’ yang disokong sendiri oleh Sukarno, ini akan menyebabkan Indonesia akan jatuh ke tangan PKI dan Indonesia akan menjadi sebuah negara komunis sepenuhnya.

2.2 Pengaruh luar oleh kuasa besar yang terlibat, Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet

Dasar luar anti-komunis yang diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman memberikan United Kingdom sebagai salah satu negara anggota blok demokrasi peluang untuk meluaskan pengaruhnya dengan memberikan sokongan kepada kerajaan untuk terus menentang gerakan komunis seperti PKM dan PKKU. Pengaruh blok Barat di Malaysia juga diperkuatkan dengan dukungan Amerika Syarikat ketika konfrontasi Malaysia-Indonesia 1963 di mana Amerika Syarikat menyatakan sokongan rasmi terhadap Malaysia pada 14 Februari 1963 dan diperkuatkan melalui memorandum yang dikeluarkan oleh Setiausaha Negara AS ketika itu, Dean Rusk kepada Presiden AS, John F. Kennedy pada 17 Februari 1963 (Sodhy, 1988). Sokongan ini menandakan bermulanya campur tangan Amerika ke atas hal ehwal domestik Malaysia kerana AS tidak mahu adanya ‘kesan domino’ berlaku ke atas Malaysia sekiranya Indonesia berhasil mengalahkan Malaysia dalam konfrontasi tersebut seperti yang berlaku di Laos dan Kemboja akibat kemenangan tentera Viet Cong ketika Perang Vietnam.

Kebangkitan PKI dalam pentadbiran Indonesia pula telah menyebabkan Sukarno mula bersekutu dengan PKI menjadikan pendirian beliau yang lebih bersifat anti-Barat dan pro-komunis semakin ketara. Ini kerana beliau melihat Barat sebagai suatu kuasa imperialis yang cuba mengancam Indonesia. Ini terbukti melalui sokongan United Kingdom terhadap cadangan pembentukan Malaysia yang merangkumi Tanah Melayu, Sabah (dahulunya dikenali sebagai Borneo Utara), Sarawak, Singapura dan Brunei yang dikemukakan oleh Tunku. Pada pandangan Sukarno, pembentukan Malaysia sebagai suatu neo-kolonialisme yang akan mengukuhkan cengkaman United Kingdom di Asia Tenggara dan dikhuatiri akan terbentuknya pangkalan tentera asing di Asia Tenggara (Sidek, 2018). Bermula pada tahun 1960an, Indonesia telah menjalinkan hubungan yang amat rapat dengan negara-negara komunis termasuklah China, Soviet dan lain-lain. Hasilnya, Indonesia mendapat manfaat dari segi ketenteraan dan ekonomi. Operasi Trikora yang dijalankan pada tahun 1961 untuk mendapatkan wilayah Papua Barat berjaya dengan bantuan ketenteraan dari Soviet. Pada ketika itu, Soviet juga terlibat secara langsung dalam operasi tersebut dengan menghantar enam kapal selam dan ini diakui pada tahun 2005 oleh komander Tentera Laut Indonesia dalam Pasukan Petugas Pembebasan Irian Barat, Laksamana Sudomo untuk kegunaan simpanan strategik (Muraviev, 2008). Sokongan negara komunis terhadap Indonesia tidak terhenti di situ sahaja apabila Soviet dan China bersama menyokong Indonesia menentang Malaysia pada 1963 (Mat Yazid, 2013).

3.0 DASAR-DASAR LUAR YANG DIWUJUDKAN OLEH TUNKU ABDUL RAHMAN DAN SUKARNO KETIKA PERANG DINGIN

Di bawah pentadbiran Tunku, antara dasar-dasar yang diwujudkan di bawah pentadbiran Tunku ialah Malaysia tidak akan sesekali menjalin sebarang hubungan diplomatik dengan negara komunis seperti China, Kesatuan Soviet dan negara-negara komunis yang lain. Pendekatan ini diambil bertepatan dengan prinsip untuk tidak berkompromi soal keselamatan negara yang masih lagi diancam komunis. Ini diperkuatkan lagi dengan bukti bahawa PKM mendapat sokongan dari China di mana pemimpin-pemimpin mereka yang berada di China diberikan perlindungan, nasihat dan bantuan sebelum tahun 1974. Hubungan antara PKM dan Parti Komunis China (CCP) mulai terbentuk pada tahun 1956

oleh pengurus PKM ketika itu, Musa Ahmad dan menjadi semakin rapat ketika lawatan Chin Peng selaku Setiausaha Agung PKM pada 1961 (Ling, 2015). Memetik daripada ucapan Tunku ketika Perhimpunan Agong UMNO pada 31 Julai 1966, beliau mengatakan:

“Kita hendaklah juga menyedari bahawa Cina komunis sepanjang masa memandangkan ke arah kita dengan harapan suatu hari kelak akan menguasai seluruh Asia Tenggara”

Jelaslah di sini bahawa Tunku amat bimbang dengan pengaruh China yang memungkinkan sebarang dominasi ke atas Malaysia sekaligus menjadikan Malaysia sebuah negara komunis dan kemudiannya merebak ke negara Asia Tenggara yang lain sekiranya ancaman PKM ini tidak ditangani sebaik mungkin. Oleh itu, pertahanan Malaysia harus dinaiktaraf bagi menangkis sebarang ancaman. Untuk itu, kerajaan telah menandatangani satu perjanjian pertahanan dikenali sebagai ‘Anglo-Malayan Defence Agreement’ atau AMDA (yang kemudiannya dijenamakan semula sebagai ‘Anglo-Malaysian Defence Agreement’ setelah terbentuknya Malaysia pada 16 September 1963) pada 1957 bagi membolehkan Malaysia mendapat sokongan ketenteraan dari United Kingdom ketika Malaysia menghadapi perang atau konflik bersenjata. Sebagai balasan, Malaysia akan membantu United Kingdom mempertahankan wilayah jajahannya. Tunku juga menjadikan Malaysia sebagai negara anggota Komanwel pada tahun yang sama untuk mewujudkan hubungan erat dengan UK dan negara bekas jajahan UK. Ini dapat menjamin keselamatan Malaysia kerana ada sekutu yang membantu Malaysia berhadapan bukan sahaja komunis malah negara luar seperti Indonesia pada tahun 1965. Lawatan Tunku ke Amerika Syarikat pada 1964 juga membawa hasil apabila Presidennya, Lyndon B. Johnson menawarkan untuk melatih anggota pasukan keselamatan negara dan Tunku mengumumkan yang negara ketua bagi blok demokrasi itu bersetuju untuk menjual peralatan ketenteraan untuk kegunaan perang hutan menentang pasukan gerila tentera Indonesia (Sodhy, 1988).

Sukarno sebaliknya yang merupakan seorang yang anti-imperialis dan pro-komunis melalui hubungan rapatnya dengan PKI telah mewujudkan hubungan yang baik dengan China, Kesatuan Soviet dan negara-negara komunis di Eropah Timur. Bermulanya dari lawatan Sukarno pada 1956 ke Moscow dan Beijing menandakan Indonesia mula berpihak kepada negara komunis. Dengan bantuan Menteri Luar Indonesia ketika itu iaitu Subandrio, dasar luar Indonesia mula condong ke arah berhaluan kiri. Hasil daripada hubungan baik ini, Indonesia mula mendapat bantuan dalam pelbagai aspek dari Soviet. Dikatakan bantuan yang diberikan oleh Soviet pada awal 1960an adalah yang paling banyak dibandingkan dengan negara bukan komunis yang lain dan jumlah bantuan ketenteraan Soviet kepada Indonesia adalah sama dengan jumlah yang diberikan kepada Cuba. Ini mengukuhkan lagi pengaruh komunisme dalam negara Indonesia sehingga merisaukan negara Barat terutamanya Amerika Syarikat. Pada masa yang sama, Indonesia juga mengadakan Persidangan Bandung pada 1955 yang membawa kepada pertubuhan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) pada 1961 bagi menghimpunkan negara-negara Dunia Ketiga yang tidak mahu memihak kepada kedua-dua Soviet dan Amerika. Antara negara pengasas NAM selain Indonesia ialah Mesir, India, Yugoslavia dan Ghana. Sukarno juga telah mewujudkan perikatan dikenali sebagai ‘Conference of the New Emerging Forces’ (CONEFO) pada 7 Januari 1965 sebagai alternatif kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan ‘Old Established Forces’ (OLDEFO) iaitu gelaran yang diberikan oleh Sukarno kepada negara kuasa besar merangkumi Amerika Syarikat dan Soviet. Sama seperti NAM, penubuhannya bertujuan untuk menghimpunkan suara dan membela hak negara-negara Dunia Ketiga. Ironinya, CONEFO dianggotai oleh China, Korea Utara dan Vietnam Utara yang merupakan negara komunis, menampakkan pendirian pro-komunis Indonesia. Selain itu, Indonesia bersama China, Korea Utara, Vietnam Utara dan Kemboja juga telah mewujudkan kerjasama dikenali Paksi Beijing-Pyongyang-Hanoi-Phnom Penh-Jakarta. Sejurus selepas perpecahan Sino-Soviet pada 1963, Indonesia lebih memilih untuk mewujudkan hubungan rapat dengan China (Mat Yazid, 2016). Melalui hubungan ini, PKI mula mendapat sokongan China sama seperti PKM. Ini terbukti apabila China menyokong pembentukan ‘angkatan kelima’ dalam ABRI kerana China merasakan ada tanggungjawab untuk melindungi Asia Tenggara dari pengaruh imperialis dengan menggalakkan gerakan komunis untuk mengangkat senjata (Zhou, 2014). Oleh itu,

cadangan pembentukan ‘angkatan kelima’ oleh D.N. Aidit mendapat sokongan China apabila China menggalakkan Sukarno menubuhkannya pada awal 1965. Pun begitu, rancangan ini tidak dapat diteruskan selepas insiden Gerakan 30 September di mana akhirnya PKI tidak lagi berkuasa dan pengambilalihan pemerintahan oleh Suharto melalui Supersemar (Surat Perintah Sebelas Maret – bermaksud ‘Surat Perintah Sebelas Mac’) bagi menstabilkan semula Indonesia.

4.0 PERSAMAAN DAN PERBEZAAN DASAR LUAR YANG DIWUJUDKAN OLEH TUNKU ABDUL RAHMAN DAN SUKARNO

Melalui kajian seperti yang dinyatakan sebentar tadi, kita dapat lihat bahawa dasar luar yang diwujudkan oleh kedua-dua pemimpin ini memihak kepada salah satu kuasa besar dan salah satu ideologi yang terlibat di mana Tunku bersifat pro-Barat dan bersekutu dengan United Kingdom manakala Sukarno bersifat pro-komunis dan bersekutu dengan Soviet sebelum akhirnya dengan China. Dapat dilihat juga bahawa wujudnya juga kerjasama antara negara melalui perikatan seperti Komanwel, NAM, CONEFO. Maka, tidak hairanlah Konfrontasi Malaysia-Indonesia dilihat seperti pertembungan antara ideologi demokrasi dan komunis di mana Amerika Syarikat dan United Kingdom menyokong Malaysia manakala Kesatuan Soviet dan China lebih memihak kepada Indonesia. Secara tak langsung, Konfrontasi Malaysia-Indonesia dilihat sebagai antara perang proksi yang berlaku ketika Perang Dingin.

Pun begitu, dasar luar yang diwujudkan oleh Tunku dan Sukarno mempunyai matlamat yang berbeza. Jika kita amati, dasar luar pentadbiran Tunku lebih memfokuskan tentang soal keselamatan dan pertahanan. Memandangkan Tanah Melayu baru sahaja merdeka pada 31 Ogos 1957 dan kemudiannya diikuti dengan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, sistem pertahanan negara mengalami kekurangan dan negara mendapat ancaman dari pelbagai sudut sama ada dalaman maupun luaran. Oleh itu, Malaysia mula mewujudkan pakatan ketenteraan dengan United Kingdom bersama negara-negara anggota Komanwel. Dasar luar yang diwujudkan Sukarno pula lebih bersifat politik di mana beliau

ingin meluaskan pengaruh Indonesia dalam arena politik antarabangsa. Ini dapat dilihat apabila Sukarno banyak melakukan lawatan ke negara luar dan membentuk kerjasama antara negara seperti NAM, CONEFO dan Paksi Beijing-Pyongyang-Hanoi-Phnom Penh-Jakarta di mana Indonesia mula menjalin hubungan rapat dengan blok komunis atas dasar anti-imperialis menentang hegemoni Barat dan bekerjasama dengan negara-negara yang baru merdeka sebagai manifestasi melawan segala bentuk penjajahan oleh negara kuasa besar. Akan tetapi, pendekatan ketenteraan juga diamalkan seperti lawatan Jeneral Abdul Haris Nasution yang merupakan Menteri Pertahanan dan Keselamatan Indonesia ke Moscow atas arahan Sukarno untuk mendapatkan bantuan ketenteraan dari Soviet setelah gagal mendapatkannya dari Amerika (Sitompul, 2018). Soviet bersetuju dan kemudiannya menghantar tentera laut dan udaranya ketika Operasi Trikora sebagai tanda sokongannya kepada Indonesia.

5.0 KESIMPULAN

Jelaslah di sini bahawa Perang Dingin memberikan impak yang amat besar kepada kedua-dua negara dalam membentuk dasar luar negara. Pengaruh kuasa besar seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Kesatuan Soviet dan China di samping keadaan politik dalam menjadikan faktor yang diambil kira dalam merangka dasar luar negara. Pendirian Tunku yang anti-komunis dan ideologi anti-imperialis yang dilaungkan Sukarno telah menyebabkan Malaysia dan Indonesia masing-masing menyokong salah satu blok yang terlibat di mana Malaysia pro-demokrasi manakala Indonesia pro-komunis. Kebangkitan PKI dalam pentadbiran Indonesia telah menjadi perhatian kuasa-kuasa besar dunia pada ketika itu. Di mata negara blok demokrasi, situasi ini akan menyebabkan Indonesia secara perlahan akan menjadi negara komunis dan trend ini akan menular ke negara sekitarnya selari dengan teori ‘kesan domino’ dan semestinya blok demokrasi enggan melihat perkara yang berlaku ketika Perang Vietnam terjadi sekali lagi. Kerjasama PKI-Sukarno telah menggugat keselamatan Malaysia apabila Sukarno mengumumkan ‘Ganyang Malaysia’ yang membawa kepada Konfrontasi Malaysia-Indonesia kerana melihat penubuhan Malaysia tidak ubah seperti suatu penjajahan baru oleh United Kingdom untuk meluaskan pengaruhnya di Nusantara. Di mata negara blok komunis, mereka melihat ini sebagai suatu

peluang yang baik untuk mengukuhkan lagi ideologi komunisme di rantau Nusantara. China merupakan pemain utama dalam melebarkan sayap gerakan komunisme di Malaysia dan Indonesia dengan memberikan bantuan persenjataan kepada PKM, PKI dan PKKU. Meskipun begitu, Tunku berjaya mematahkan serangan gerakan komunis dan mempertahankan negara dari serangan tentera Indonesia dengan mengadakan perjanjian ketenteraan dengan United Kingdom dan sekutunya yang mempunyai sistem ketenteraan yang canggih. Setiap yang bangkit pasti akan jatuh. Begitulah yang berlaku kepada PKI apabila pengaruh mereka semakin berkurangan dan ahli-ahlinya banyak yang dibunuh setelah kejadian rampasan kuasa pada 1 Oktober 1965 apabila pihak tentera mendakwa PKI mendalangi rampasan kuasa tersebut. Suharto yang kemudiannya menggantikan Sukarno akhirnya menamatkan konflik tersebut dengan mengadakan perjanjian damai dengan Malaysia pada bermula dengan Perjanjian Bangkok pada 1 Jun 1966 disusuli dengan Perjanjian Jakarta pada 11 Ogos 1966. Dengan termeterainya dua perjanjian tersebut, hubungan dua hala Malaysia-Indonesia telah diwujudkan semula dan konflik antara kedua-dua akhirnya telah menampakkan tanda-tanda pemulihan. Konfrontasi yang berlaku memberikan pengajaran bahawa perbezaan ideologi antara dua negara jika tidak ditangani dengan baik akan membawa kepada perang yang akan mengorbankan banyak nyawa.

RUJUKAN:

- Idris, N. A. (1990). Peranan dan Pengaruh Tunku Abdul Rahman dalam Sejarah Dasar Luar Negara: Tahun-tahun Awalan (1957-1962). *JEBAT*, 8, 229-261.
- Ling, H. H. (2015). Kebangkitan Parti Komunis Malaya (PKM), 1968-1989: Penelitian Terhadap Kegiatan Komunis di Semenanjung Malaysia (The Rise of The Communist Party of Malaya (CPM), 1968-1989: Review of Communist Activities In Peninsular Malaysia). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 42(1).
- Maksum, A., & Bustami, R. (2014). The 1965 coup and reformasi 1998: two critical moments in Indonesia-Malaysia relations during and after the Cold War. *SpringerPlus*, 3(1), 1-9.
- Mat Enh, A., Hamzah, Z. V. P., Samsudin, M., Ahmad, R., Yaacob, F. A., & Yunos, N. (2010). Kajian Perbandingan Dasar Luar Malaysia dengan Yugoslavia Era Perang Dingin (pp. 159-172). Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Universiti Utara Malaysia.
- Mat Yazid, M. N. (2013). Malaysia-Indonesia Relations Before and After 1965: Impact on Bilateral and Regional Stability. In Symposium on Cultural Diplomacy in the Asia Pacific, Berlin (pp. 7-9)
- Mat Yazid, M. N. (2016). Indonesian Relations with the Eastern Europe, Soviet Union and China before 1965: Systemic and Domestic Factors. *Review of European Studies*, 8, 253.
- Muraviev, A. D. (2008). Strategic realignment or *deja vu*?: Russia-Indonesia defence cooperation in the twenty-first century. Canberra: Strategic and Defence Studies Centre, Australian National University, 2008.
- Pangeran, A. (n.d.). KEBIJAKAN LUAR NEGERI INDONESIA PADA ERA PEMERINTAHAN PRESIDEN SOEKARNO DAN PRESIDEN JOKO WIDODO.

Sidek, N. (2018, 16 Ogos). Sejarah ‘Zaman Konfrontasi’ Malaysia-Indonesia. Iluminasi, Diambil dari <https://iluminasi.com/bm/sejarah-zaman-konfrontasi-malaysia-indonesia.html> (Diakses pada 2 Jun 2021)

Sitompul, M. (2018, 26 Februari). Jenderal Nasution dan Senjata Uni Soviet. Historia, Diambil dari <https://historia.id/politik/articles/jenderal-nasution-dan-senjata-uni-soviet-v2e25/page/1> (Diakses pada 3 Jun 2021)

Sodhy, P. (1988). Malaysian-American relations during Indonesia's confrontation against Malaysia, 1963-66. *Journal of Southeast Asian Studies*, 111-136.

Zhou, T. (2014). China and the Thirtieth of September Movement. *Indonesia*, (98), 29-58.